

Strategi Belanjawan 2023, membangun Negara MADANI

8 elemen penting
diterap bagi
pastikan dasar
kerajaan teguh
rentasi zaman

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Kerangka dasar MADANI, iaitu Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi dilancarkan pada 19 Januari 2023.

Konsep MADANI digambarkan sebagai negara yang bertamadun dan maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan infrastruktur.

Ia diterjemahkan melalui perkataan M.A.DA.N.I, iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan.

Gabungan enam tonggak uta-

ma itu membentuk kerangka dalam membangunkan negara yang mampan dan makmur bagi mencapai visi mewujudkan masyarakat Malaysia yang adil melalui penerapan aspek keterangkuman dan kesaksamaan.

Enam tonggak itu akan diterapkan dengan lapan elemen penting iaitu ekonomi dan kewangan, undang-undang, institusi pendidikan, sosial, budaya, bandar dan luar bandar untuk mengemudi negara mengharungi dimensi kerumitan, percanggahan dan kekacauan dalam tempoh pasca normal.

Kerangka dasar MADANI akan memastikan keserentakan tindakan oleh semua pihak berkepentingan dalam semangat ketelusan dan kerjasama yang turut mengambil kira cabaran dan peluang masa hadapan.

KeMampanan bertujuan memastikan kesinambungan sumber dalam memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang

yang melibatkan proses berterusan dan usaha kolektif semua rakyat untuk menghormati dan mengimbangi hak individu, masyarakat serta alam semula jadi.

KesejAhteraan bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi seimbang dan mampan melalui pemeraksanaan dan keterangkuman masyarakat dengan mengambil kira kesejahteraan rakyat, masyarakat dan negara secara tuntas.

Daya cipta adalah kesediaan untuk memupuk budaya inovatif dalam kalangan masyarakat dan menjulang negara sebagai penyumbang aktif dalam revolusi digital dan teknologi.

HormAt bertujuan membentuk masyarakat adil dan saling menghormati khususnya untuk keterangkuman, kesaksamaan, integriti dan maruah manusia.

KeyakiNan merupakan komitmen dalam memartabatkan ketelusan dan mengembalikan keyakinan antara kerajaan dengan

rakyat sebagai usaha membangunkan semula dan memperkuatkan perpaduan nasional dalam kalangan masyarakat serta semua organisasi demi membina masa depan yang lebih baik.

Ihsan memupuk masyarakat prihatin yang mendorong semua rakyat untuk menyokong kumpulan rentan mendapatkan keperluan asas melalui bantuan kebajikan sosial, makanan bergizi seimbang dan perumahan mampu milik yang mencukupi serta penjagaan kesihatan berkualiti.

Kesalinghubungan antara enam tonggak MADANI dengan lapan elemen penting hendaklah diterapkan dalam setiap dasar yang berkaitan bagi memastikan dasar negara terus teguh merentasi zaman.

Usaha ini memerlukan analisis merangkumi antara lain, struktur, sistem dan idea sedia ada yang boleh disemak dan ditambah baik serta pelbagai hasil yang berpotensi dalam memastikan keberkesanan kerangka dasar ini.

Namun, pelaksanaan elemen penting berkeenaan perlu menangani cabaran dan peluang yang akan dihadapi dalam era baharu.

Setiap tonggak serta sebarang dasar berkaitan dan pelaksanaannya perlu sentiasa dipantau, dinilai dan disemak semula.

Proses itu perlu dilaksanakan melalui penggunaan jentera kerajaan dan teknologi terkini.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kerangka dasar berkeenaan, institusi berkaitan perlu diperkukuhkan, manakala pihak berkepentingan perlu dilibatkan secara berterusan.

Kesimpulannya, kerangka dasar MADANI akan memperkasakan semua rakyat serta mewujudkan platform inklusif dan saksama bagi mencapai matlamat masa hadapan.

Ini inisiatif bersepadu dan holistik, iaitu semua enam tonggak saling berkaitan dalam tindakan berangkai yang menyokong kejayaan pelaksanaan dasar secara keseluruhan.